

Daftar jadi pengundi — Rafidah

UM 18 JUN 2003

KUALA LUMPUR 17 Jun — Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Seri Rafidah Aziz menyeru supaya seluruh ahli UMNO mendaftarkan diri sebagai pengundi untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Beliau melahirkan rasa kesal kerana masih terdapat di kalangan ahli UMNO yang enggan mendaftar sedangkan mereka layak untuk berbuat demikian.

“Sekarang apa yang berlaku ialah ada ahli tidak mendaftar sebagai pengundi. Sepatutnya langkah pertama yang mereka perlu lakukan ialah mendaftar sebagai ahli UMNO kemu-

dian mendaftar pula sebagai pengundi.

“Perkawajjar dibetulkan kerana masih ramai di kalangan ahli yang tidak berbuat demikian,” katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika ditemui selepas menghadiri majlis Taklimat Presiden oleh Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di PWTC hari ini.

Mengulas mengenai kandungan Taklimat Presiden, Rafidah berkata, pesanan Dr. Mahathir adalah tepat pada masanya.

“Perdana Menteri menyampaikan amanat kepada seluruh ahli supaya me-

mastikan UMNO akan memenangi pilihan raya akan datang.

“Beliau turut menasihatkan ahli-ahlinya supaya tidak berebut-rebut menjadi calon,” katanya.

Rafidah berkata, Pergerakan Wanita UMNO akur dengan calon pemilihan yang dibuat oleh pucuk pimpinan UMNO.

“Wanita menghormati keputusan tersebut kerana percaya sesiapa juga calon yang dipilih, pasti telah dikenal pasti mempunyai potensi dan komitmen untuk menjadi pemimpin,” tambahnya.